

30 Januari 2018

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

## **PENGURUSAN PERMINTAAN AIR DI PULAU PINANG: PEMASANGAN MANDATORI PERANTI PENJIMATAN AIR BAGI PROJEK PEMBANGUNAN BARU**

- **Negeri pertama di Malaysia memerlukan peranti penjimatan air (kelengkapan paip, kelengkapan pancuran, kelengkapan tandas dan urinal), yang dipasang di semua projek baru.**
- **WSD “secara automatik” mengurangkan penggunaan air antara 14% dan 87%**

PULAU PINANG, Selasa, 30/1/2018: Pulau Pinang benar-benar “melaksanakan apa yang dikatakannya” dengan menjadi negeri Malaysia pertama yang meluluskan peraturan yang memerlukan pemaju memasang peranti penjimatan air (WSD) dalam semua projek pembangunan baru.

Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang mengamalkan dasar “tiada catuan air” kepada umum. Pemasangan mandatori WSD mencerminkan komitmen tegas Pulau Pinang terhadap dasar ini, untuk kepentingan rakyatnya dan semua perniagaan yang berada di sini.

Majlis Eksekutif Negeri Pulau Pinang telah meluluskan cadangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) untuk pemasangan mandatori WSD pada 28/11/2017.

Langkah seterusnya adalah proses perundangan yang perlu bagi pindaan dan pemertuaan. Hanya selepas pemertuaan ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) boleh menguatkuasakan peraturan baru. PBAPP akan membantu ke arah pelaksanaannya.

## Peranti Penjimatan Air

WSD adalah peranti “mesra air” yang membolehkan pengguna menjimat air secara automatik tanpa sebarang perubahan kepada rutin harian atau tabiat. WSD mengurangkan dan mengawal aliran air dan, dengan itu, penggunaan air dengan setiap kali penggunaan. WSD termasuk:

- Kepala paip dan pancuran yang dilengkapi pengawal selia aliran.
- Kelengkapan tandas dengan sistem “dwi siram” yang membolehkan “siraman separuh” (3 liter) dan “siraman penuh” (6 liter).
- Urinal penjimatan air dilengkapi dengan “*timer*” dan/atau pemicu “*spring*”.

PBAPP telah memasang pelbagai jenis WSD (dijual di Malaysia) di bangunannya sejak tahun 2012. Kajian kami menunjukkan WSD dapat mengurangkan penggunaan air dengan berkesan antara 14% dan 87%:

Jenis Kelengkapan	SEBELUM (liter setiap minit)	SELEPAS (liter setiap minit)	% Penjimatan Air
Paip Basin	12 - 16	<i>Self-shutting type:</i> 2	<b>83 - 87%</b>
		<i>Tip touch type:</i> 6	<b>50 - 63%</b>
<i>Bib Tap</i>	12 - 15	5	<b>58 - 67%</b>
Kepala pancuran	14 - 20	12	<b>14 - 40%</b>
<i>Sink Tap</i>	12 - 18	6	<b>50 - 67%</b>

WSD juga termasuk mesin basuh dan mesin pencuci pinggan yang “mesra air”.

Pemasangan WSD telah diakui sebagai salah satu langkah pemuliharaan air yang paling berkesan di seluruh dunia. Negara-negara seperti Australia, Hong Kong, New Zealand, Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat secara aktif mempromosikan WSD.

Di Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah memperkenalkan "Skim Pelabelan Produk Cekap Air".

### **Impak Penjimatan Air**

Peraturan WSD Pulau Pinang akan mempunyai kesan yang besar terhadap pemuliharaan air dalam sebuah negeri kekurangan air. Pada dasarnya, semua bangunan baru secara automatik akan menjadi bangunan "mesra air."

Bangunan-bangunan ini juga akan lebih "hijau" dan akan mematuhi Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau 2012, yang dipromosikan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM) dan dasar "Pulau Pinang Lebih Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Ketika musim kemarau, WSD secara automatik mengawal penggunaan air untuk memastikan rizab air di Pulau Pinang dapat bertahan sehingga hujan tiba.

Pemasangan mandatori WSD dalam semua hartanah baru akan membolehkan lebih banyak isi rumah jimatkan air dengan usaha yang minimum. Ciri "automatic" WSD akan membantu mengurangkan penggunaan domestik per kapita dengan ketara dalam jangka panjang.

Penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang adalah 286 liter/kapita/hari (l/k/h) pada tahun 2016, berbanding dengan purata kebangsaan sebanyak 209 l/k/h. Dengan pertumbuhan penduduk, tahap penggunaan air domestik yang tinggi ini adalah tidak mampan.

Rakyat Pulau Pinang perlu ingat bahawa kita sangat bergantung kepada hanya satu sumber air mentah utama - Sungai Muda. Sementara itu, Kedah terus membenarkan dan melesen pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda, kawasan tadahan air untuk Sungai Muda.

Kerajaan Persekutuan telah menangguhkan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) sebagai sumber air mentah kedua untuk Pulau Pinang, dan ini meningkatkan risiko kekurangan air pada setiap tahun .

Dengan pertimbangan-pertimbangan ini, PBAPP telah mempromosikan WSD sebagai sebahagian daripada program "pengurusan permintaan air"



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

di Pulau Pinang, di samping pelaksanaan surcaj penjimatan air (WCS) dan projek pendidikan/kesedaran air.

Akhir sekali, saya ingin mengingatkan semua pengguna air Pulau Pinang bahawa penjimatan air juga bermaksud menggalakkan gaya hidup yang lebih baik, lestari dan jimatkan wang dari bil air.

Untuk mencuba bagaimana WSD boleh membantu anda untuk jimatkan wang, sila lawati Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP terdekat dan ambil kit penjimatan air secara percuma. Kit ini mengandungi “penyaring penjimatan air” yang boleh dipasang pada paip rumah.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)